

Penangguhan dinafi Gaji baru tentera dibayar bulan ini

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menafikan anggota angkatan tentera tidak akan menerima gaji baru mereka sebelum Hari Raya ini.

Bellau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji baru kakitangan awam, memberitahu pemberita di sini, anggota angkatan tentera TETAP akan dibayar gaji baru masing-masing penghujung bulan ini.

Katanya, pembayaran gaji baru tersebut akan dilaksanakan serentak dengan pembayaran gaji baru lain-lain kakitangan awam termasuk mereka yang berkhidmat dengan badan berkanun dan pihak penguasa tempatan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika diminta mengesahkan sama ada pelaksanaan skim gaji baru untuk angkatan tentera kita akan ditangguhkan buat beberapa waktu kerana sebab-sebab tertentu.

Pasti

Penegasan tersebut menolak kabar-kabar angin bahawa angkatan tentera kurang puas hati dengan skim gaji baru yang diumumkan oleh Kerajaan bulan lalu dan meminta agar perkara tersebut dikaji semula oleh pihak berkenaan.

"Setakat yang saya

Oleh RUHANIE AHMAD

ketahui, tiada satu pun permintaan dari angkatan tentera untuk menyemak skim yang diumumkan oleh Kerajaan itu. Bagi pihak Kerajaan, semua anggota tentera pasti dibayar gaji baru masing-masing sama seperti kakitangan awam lain, penghujung bulan ini," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menjelaskan bahawa semakan gaji kakitangan Kerajaan kali ini merupakan enam bulan lebih awal dari jadualnya — Januari 1981.

"Kita sungguh bertimbang rasa dalam hal ini tetapi adalah sedih kerana tiada pun sebarang pihak yang sedar akan hakikat tersebut dan menyuarakan penghargaan sewajarnya," katanya.

Jarnya," katanya.

Ketika ditanya sama ada bellau akan mengeluarkan satu arahan khusus kepada pihak swasta mengenai kadar-kadar kenaikan gaji yang wajar ketika ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, biarlah pihak swasta menganut kadar kenaikan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Swasta

Katanya, adalah sangat-sangat diharapkan pihak swasta akan menjadikan kadar kenaikan gaji kakitangan awam sebagai garis panduan mereka.

Mengenai permintaan Cuepacs supaya skim gaji baru yang akan dilaksanakan hujung bulan ini diberi bayaran tunggakan sejak awal tahun ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Memorandum Cuepacs sedang dikaji oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Mungkin ia akan diketengahkan kepada Kabinet tidak lama lagi."

Datuk Seri Dr. Mahathir membuat penjelasan mengenai pembayaran gaji baru ini sesudah menerima kunjungan Ketua Parti Pembangkang Australia, Enik William George Hayden, di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Kepada satu pertanyaan sama ada benar Kerajaan akan menimbangkan pengambilan buruh dari negara-negara jiran untuk bekerja di ladang-ladang di negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, perkara tersebut memang sedang mendapat perhatian Kerajaan.

Katanya, Kerajaan sedang mengikuti perkembangan kekurangan buruh ladang sekarang sebelum tindakan mengambil buruh dari negara jiran dilaksanakan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia